

**PERSEPSI GURU TERHADAP MASALAH  
DISIPLIN DAN TINGKAH LAKU PELAJAR  
DALAM BILIK DARJAH SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN DAERAH TAWAU, SABAH**

**DATU ISKANDAR BIN DATU ISMAIL**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DESERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PENDIDIKAN  
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2013**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @**

JUDUL : **PERSEPSI GURU TERHADAP MASALAH DISIPLIN DAN TINGKAH LAKU PELAJAR DALAM BILIK DARJAH SEKOLAH MENENGAH DAERAH TAWAU**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **DATU ISKANDAR BIN DATU ISMAIL**  
**SESI PENGAJIAN : 2012/2013**


Mengaku membenarkan tesis (LPSM/ Sarjana/Dektor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

**SULIT** (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 2972).

**TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan).

**TIDAK TERHAD**

  
**(DATU ISKANDAR BIN DATU ISMAIL)**  
SK. HOLY TRINITY P.S 60156,  
91011 TAWAU, SABAH.

**(DR ROSLEE BIN TALIP)**

Tarikh : **8 Julai 2013**

Tarikh :

CATATAN: \* Potong yang tidak berkenaan.  
\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak Berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dari tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.  
@ Tesis dimaksudkan sebagai teis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

8 JULAI 2013



DATU ISKANDAR BIN DATU ISMAIL

PT20117232C

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurniaNya, saya dapat menyudahkan kajian ini mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga terutamanya kepada Ybhg. Dr. Roslee Talip selaku penyelia yang sentiasa memberikan bimbingan, tunjuk ajar, dan teguran kepada saya. Tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah menyumbangkan ilmu yang bernilai selama ini.

Akhirnya, saya bersyukur kerana mempunyai sebuah keluarga yang sentiasa menyokong serta sentiasa memberikan galakkan berterusan di sepanjang menyiapkan tugas ini.

Sekian dan terima kasih.

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah mengikut Persepsi Guru Kelas Tingkatan Di Sekolah Menengah Dalam Daerah Tawau. Kajian ini lebih bertumpu dengan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah dengan berdasarkan kepada faktor demografi guru iaitu peringkat sekolah (menengah rendah) dan tingkatan (tingkatan 1 hingga tingkatan 5). Seterusnya kajian ini juga ingin mengenal pasti sama ada terdapat hubungan terhadap 6 sub skala yang wujud yang berkaitan dengan masalah tingkah laku pelajar iaitu agresif, mengganggu, kemudah alihan perhatian, berkelakuan tidak matang, gangguan dalam hubungan rakan sedarjah dan penarikan diri. Seramai 243 guru kelas tingkatan (tingkatan 1 hingga tingkatan 5) telah dipilih sebagai responden untuk menjawab satu set soal selidik. Analisis statistik dan analisis kolerasi telah digunakan dalam kajian ini. Keputusan kajian ini ialah tidak terdapat perbezaan persepsi guru menengah atas dengan guru menengah rendah yang berkaitan dengan masalah disiplin dalam bilik darjah. Selain itu, terdapat perbezaan persepsi antara guru tingkatan mengenai masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah. Seterusnya, menunjukkan bahawa keenam-enam sub sekala masalah tingkah laku pelajar iaitu tingkah laku agresif, tingkah laku mengganggu, tingkah laku kemudah alihan, tingkah laku berkelakuan tidak matang, tingkah laku gangguan rakan sebaya dan tingkah laku penarikan diri mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan wujudnya masalah disiplin dalam bilik darjah.

## **ABSTRACT**

### **Teachers 'Perception On Discipline Problems And Student Conduct In The Classroom National School District Tawau, Sabah**

*This study was conducted with the aim to identify disciplinary problems and student behavior problems in the classroom by teachers Perception Form Class in Secondary School in Tawau District. This study focused to identify whether there were significant differences discipline and behavior problems in the classroom with students based on demographic factors of the school (junior high) and form (Form 1 to Form 5). The study also attempted to find out whether there is a relationship of 6 subscales of the inherent problems associated with aggressive behavior of students, disrupt, facility diverts attention, immature behavior, disturbances in relationships and withdrawal classmates. A total of 243 classroom teachers form (Form 1 to Form 5) were selected as respondents to answer a set of questionnaires. Statistical analysis and correlation analysis were used in this study. Results of this study was no significant difference on the perception of secondary teachers of lower secondary teachers associated with discipline problems in the classroom. In addition, there are differences in perception between form teachers about student behavior problems in the classroom. Next, show that the six sub occasional student behavior problems of aggressive behavior, disturbing behavior, diversion facilities, the behavior, the behavior of immature behavior, peer harassment behavior and withdrawal behavior has a significant positive relationship exists discipline problems in the classroom.*

## **ISI KANDUNGAN**

**M/S**

### **KANDUNGAN**

**PENGAKUAN**

i

**PENGHARGAAN**

ii

**ABSTRAK**

iii

**ABSTRACT**

iv

**ISI KANDUNGAN**

v

**SENARAI RAJAH**

x

**SENARAI JADUAL**

xi

**LAMPIRAN**

xiii

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Definisi Operasional Kajian	14
1.9.1 Masalah Disiplin	14
1.9.2 Masalah Tingkah Laku	16
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.11 Rumusan	20

### **BAB 2 : KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	21
2.2 Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah	21
2.3 Masalah Tingkah Laku Pelajar Dalam Bilik Darjah	22
2.4 Tugas Guru Kelas Tingkatan	23
2.5 Teori-Teori Tingkah Laku	23
2.5.1 Humanisme Maslow	24
2.5.2 Tret Personaliti	

2.5.3 Psikoanalisa Freud	29
2.5.4 Etologi Lorenz	33
2.6 Model Yang Berkaitan Dengan Masalah	34
Disiplin Dan Masalah Tingkah Laku	
Pelajar Dalam Bilik Darjah	
2.6.1 Model Disiplin Asertif Canter	35
2.6.2 Model Kelompok Kounin	36
2.6.3 Model Modifikasi Tingkah Laku	39
B.F Skinner	
2.7 Kajian Lepas Berkenaan Masalah Disiplin	40
Dan Masalah Tingkah Laku Pelajar Dalam	
Bilik Darjah Menurut Persepsi Guru	
2.8 Rumusan	46
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	47
3.1 Pengenalan	47
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.3 Populasi Kajian	47
3.4 Persampelan	48
3.5 Prosedur Pembentukan Instrumen Kajian	49
3.6 Intrumen Kajian	49
3.6.1 Instrumen Bahagian A (Ciri-Ciri	50
Demografi Guru)	
3.6.2 Instrumen Bahagian B (Masalah	50
Tingkah Laku Pelajar)	
3.6.3 Intrumen Bahagian C (Masalah	51
Disiplin Dalam Bilik Darjah)	
3.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	52
3.8 Tempat Kajian	53
3.9 Prosedur Kajian	53
3.10 Analisis Data	54
3.11 Rumusan	56
<b>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b>	58
4.1 Pengenalan	

4.2 Ciri-Ciri Demografi Guru	53
4.2.1 Taburan Guru (Responden) Mengikut Peringkat Sekolah)	58
4.2.2 Taburan Guru (Responden Mengikut Tingkatan)	59
4.3 Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Disiplin Dan Tingkah Laku Pelajar Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Guru (Peringkat Sekolah Dan Tingkatan)	59
4.3.1 Ho1 Tidak Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Peringkat Sekolah Guru	59
4.3.2 Ho2 Tidak Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Tingkah Laku Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Peringkat Sekolah Guru	60
4.3.3 Ho3 Tidak Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Berdasarkan Faktor Demografi Guru Tingkatan	61
4.3.4 Ho4 Tidak Terdapat Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Tingkah Laku Pelajar Yang Signifikan Dalam Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Guru Tingkatan	62

4.3.5 Ho5 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah Dengan Masalah Tingkah Laku Pelajar Berdasarkan Persepsi Guru	63
4.3.6 Ho6 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah Dengan Masalah Tingkah Laku Pelajar (Agresif, Mengganggu, Kemudah Alihan Perhatian, Berkelakuan Tidak Matang, Gangguan Dalam Hubungan Rakan Sedarjah Dan Penarikan Diri) Berdasarkan Persepsi Guru	64
4.4. Rumusan	68
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	70
5.1 Pengenalan	70
5.2 Perbincangan Daripada Hasil Dapatan Kajian	70
5.2.1 Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi (Faktor Peringkat Sekolah Dan Tingkatan)	70
5.2.2 Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Masalah Tingkah Laku Pelajar Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Guru (Faktor Peringkat Sekolah Dan Tingkatan)	73
5.2.3 Hubungan Antara Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah Dengan Masalah Tingkah Laku Pelajar Berdasarkan Persepsi Guru	75

5.3 Implikasi Kajian	81
5.4 Cadangan Kajian	81
5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjut	82
5.6 Rumusan	83
5.7 Rujukan	84

Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

19

Jadual 3.1	:	Kandungan Soal Selidik	49
Jadual 3.2	:	Skor Pengukuran	50
Jadual 3.3	:	Item Masalah Tingkah Laku Pelajar	51
Jadual 3.4	:	Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah	51
Jadual 3.5	:	Senarai Hipotesis Null Untuk Kajian Ini	55
Jadual 4.1	:	Taburan Guru (Responden) Mengikut Peringkat Sekolah	58
Jadual 4.2	:	Taburan Guru (Responden) Mengikut Tingkatan	59
Jadual 4.3	:	Hasil Analisis Ujian-T Terhadap Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Disiplin Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Peringkat Sekolah Guru	60
Jadual 4.4.	:	Hasil Analisis Ujian-T Terhadap Perbezaan Persepsi Terhadap Masalah Tingkah Laku Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Peringkat Sekolah Guru	61

Jadual 4.5 :	Hasil Analisis Anova Sehala Terhadap Perbezaan Persepsi Masalah Disiplin Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Guru Tingkatan	62
Jadual 4.6 :	Hasil Analisis Anova Sehala Terhadap Perbezaan Persepsi Masalah Tingkah Laku Pelajar Yang Signifikan Dalam Bilik Darjah Berdasarkan Faktor Demografi Guru Tingkatan	63
Jadual 4.7 :	Hasil Analisis Kolerasi Pearson Terhadap Hubungan Yang Signifikan Antara Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah Dengan Masalah Tingkah Laku Pelajar Berdasarkan Persepsi Guru	66
Jadual 4.8 :	Hasil Analisis Null	67

## **LAMPIRAN**

- Lampiran A : Borang Soal Selidik
- Lampiran B : Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. Educational And Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Lampiran C : Ujian Statistik Dan Ujian Anova Serta Ujian Kolerasi Pearson
- Lampiran D : Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, memerlukan tahap disiplin yang tinggi seorang pelajar untuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Sedar tentang situasi tersebut, sekolah perlu menerapkan disiplin pelajar dengan tegas bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Masalah disiplin pelajar merupakan isu universal yang dihadapi oleh semua sekolah di dunia (Cotton, 2001). Di Malaysia, masalah disiplin sering menjadi perhatian media massa dan terus dibincangkan oleh masyarakat seolah-olah tiada penghujungnya. Pelbagai pandangan telah diutarakan oleh masyarakat tentang perlunya tindakan tegas diambil terhadap masalah disiplin yang semakin merosot (Khalim, 2004).

Pihak Kementerian menyedari bahawa tugas mendisiplinkan pelajar merupakan sesuatu yang berat, tetapi sedar tanpa disiplin yang tegas suasana kondusif tidak akan wujud. Perintah mustahaknya disiplin ditegaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1981) yang mengatakan bahawa, disiplin adalah satu aspek kehidupan yang mesti wujud dalam masyarakat. Oleh itu ia hendaklah mendapat perhatian berat dari semua pihak sama ada di sekolah atau di luar sekolah.

Salah laku remaja sekarang ini sudah menjadi semakin serius. Laporan perangkaan polis, kes salah laku dan jenayah remaja melebihi 3000 pada tahun 1997 dan jumlahnya hampir sama pada tahun 1998 (Dewan Budaya, September 1999). Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh Pengarah Eksekutif Institut Pembangunan Minda (INMIND), Dr. Zambry Abdul Kadir. Menurut beliau, kesalahan juvana yang dilakukan oleh remaja semakin meningkat setiap tahun. Statistik pada tahun 1998



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

menunjukkan 5612 remaja yang melakukan kesalahan juvana telah ditangkap manakala pada tahun 1999 pula seramai 5977 remaja telah ditangkap (Berita Harian, Mei, 2001). Akhbar Berita Harian, (19 Julai 2001) melaporkan sebanyak 4,922,441 kes pelanggaran disiplin melibatkan pelajar di seluruh negara diterima oleh Kementerian Pendidikan dalam tempoh lima tahun (1996-2000). Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadhir Mohd. Khir (2001), berkata kes-kes perlanggaran disiplin tersebut melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Jumlah kes itu termasuk kes-kes disiplin yang kecil seperti ponteng sekolah, penampilan tidak kemas serta tidak menepati waktu. Masalah disiplin sering dikaitkan dengan remaja dan pelajar sekolah. Ini adalah kerana pada peringkat ini remaja atau pelajar sedang mengalami kekeliruan dan tekanan luar dalam mencari identiti diri mereka sendiri. Mereka secara keseluruhannya mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif akibat kurangnya atau keterlaluannya pengjagaan dan kawalan dari orang dewasa. Kadangkala aktiviti cuba jaya mereka mengenai perkara apakah yang mereka suka lakukan atau mencari apakah yang matlamat kehidupan mereka antara yang menjadi punca berlakunya masalah disiplin di kalangan remaja dan pelajar sekolah.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan masalah tingkah laku dan masalah disiplin pelajar ini berlaku dan faktor-faktor ini lazimnya dikelompokkan kepada faktor sekolah dan faktor luar sekolah seperti persekitaran, keluarga, dan pengaruh rakan sebaya. Faktor luar sekolah ini amat kompleks dan sukar untuk diatasi serta diluar kawalan kita (Khalim, 2004). Oleh yang demikian, tugas kita seharusnya tertumpu kepada faktor sekolah yang boleh kita kawal dan ubah seperti mewujudkan iklim yang baik dalam sekolah dan bilik darjah (Liong, 2006). Menurut

Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) mengatakan bahawa, setiap satu sesi sekolah terpaksa menampung pelajar-pelajar yang lebih tidak seragam, iaitu dari segi sosial, ekonomi dan nilai budayanya kerana peluang-peluang bagi mendapatkan pelajaran adalah terbuka kepada semua pelajar. Selain daripada itu, faktor sekolah juga dikatakan sebagai salah satu sebab yang mempengaruhi disiplin pelajar. Antaranya ialah struktur dan organisasi sekolah, sistem hukuman dan penghargaan kepada pelajar, suasana nilai dan interaksi dalam sekolah, budaya sekolah yang lebih berorientasi akademik dan sikap, tanggapan serta harapan para guru.

Menurut Kimberly (2007) mengatakan bahawa menempuh peringkat usia remaja selalunya digambarkan sebagai saat-saat yang paling kritikal dan mencabar bagi seorang remaja mahupun ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa remaja melalui proses penyesuaian dalam pembentukan diri sebagai seorang individu dari segi aspek biologikal, kognitif, emosi dan sosial disepanjang proses untuk menjadi dewasa. Didikan ibu bapa yang berkesan semasa usia remaja ini perlu mengambil kira segala keperluan-keperluan aspek-aspek perkembangan yang dinyatakan sebelum ini bagi mengimbangi proses penyesuaian diri yang dilalui oleh remaja ini.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sekolah sememangnya bermatlamat untuk membina sahsiah dan nilai murni yang mantap di kalangan pelajar. Falsafah Pendidikan Kebangsaan memperakui bahawa matlamat sekolah adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang beriman, berilmu, berakhhlak mulia serta berketrampilan dan sejahtera (KPM, 2001).

Menurut Othman (2001) bahawa kewujudan masalah tingkah laku pelajar sebenarnya menyumbang kepada masalah disiplin. Ahli akademik, pihak pentadbir sekolah, dan ibu bapa tidak seharusnya me-

mandang ringan terhadap masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar. Sekiranya masalah ini tidak diselesaikan pada peringkat awal, dibimbangi akan mendatangkan pelbagai masalah disiplin antaranya ialah mengugut guru dan menentang pelaksanaan disiplin (Shukri, 2000) yang akan mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dapatan kajian Jamali Basri pada tahun 1995 (dalam Shukri, 2000) menunjukkan jumlah pelajar remaja yang melanggar peraturan sekolah mencatatkan 102 daripada 122 kes. Walaupun dapatan kajian ini agak berfokus kepada pelajar remaja melayu sahaja, namun jumlah sebenar keseluruhan kes yang dicatatkan dapat menggambarkan serta mewakili keadaan tingkah laku pelajar secara keseluруhannya.

Menurut kajian Mohyani Razikin, 1996 dalam Mohamad. *et al.* (2003) melihat bahawa faktor-faktor seperti jantina, status sosio ekonomi keluarga, pendapatan ibu bapa mempunyai kaitan dengan masalah tingkah laku dan pencapaian pelajar. Menurut Gui Siew Chu 1989, dalam Mohamad *et al.*, (2003) mengatakan bahawa, selain daripada itu terdapat juga situasi di mana sebuah keluarga sangat mempengaruhi tingkah laku dan pencapaian pelajar. Ibu bapa yang tidak mengambil berat soal pendidikan anak-anak mereka di sekolah menyebabkan pencapaian pelajar-pelajar tersebut adalah rendah.

Menyentuh berkenaan masalah disiplin dan tingkah laku pelajar yang berlaku sekarang ini, sekolah-sekolah di daerah Tawau juga tidak lari daripada merasai tempiasnya. Terdapat beberapa buah sekolah di daerah ini menyuarakan rasa kebimbangan mereka terhadap masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar yang menyebabkan kemerosotan prestasi akademik, menyebabkan ramai pelajar-pelajar mula terlibat dengan masalah seperti ponteng kelas, ponteng aktiviti kelas tambahan, tidak menghormati guru, berpakaian tidak kemas, merosakkan harta

benda kelas, meniru dalam ujian atau peperiksaan, dan terlibat dengan pelbagai pelanggaran peraturan sekolah (KPM, 1988).

Menurut Abd. Rahim (2006), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Memandangkan remaja merupakan aset kekayaan semulajadi negara dan bakal memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan masyarakat negara kita.

Dapatan kajian di dua buah sekolah menengah di Perak dan Negeri Sembilan terhadap 80 orang pelajar menurut persepsi guru menunjukkan bahawa latar belakang keluarga mempengaruhi masalah tingkah laku dan pencapaian akademik di luar bandar manakala pelajar bandar tidak menunjukkan hubungan ini (Zainun Shafian 1988, dalam Mohamad *et al.*, 2003).

Menurut Haslina (2002), guru pada masa lalu amat digeruni oleh pelajarnya di mana pelajar yang nakal boleh dibentuk dengan rotan tetapi sekarang telah berlaku sebaliknya, penghormatan kepada guru semakin kurang malah pelajar sekarang sudah berani mengugut dan bertindak mencederakan gurunya. Justeru itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti punca paling utama masalah disiplin di sekolah di mana setiap personaliti pelajar berbeza-beza, ada pelajar yang aktif dan pasif. Selalunya pelajar yang sering melakukan masalah disiplin di sekolah adalah pelajar yang aktif dan bersifat agresif. Mereka tidak suka dikongkong oleh peraturan sekolah yang telah ditetap dan cenderung melanggar peraturan tersebut, contohnya, mereka tidak suka berpakaian kemas semasa di sekolah. Justeru itu, faktor yang dilihat adalah berkaitan dengan perbezaan persepsi guru di sebuah sekolah menengah yang terletak di bandar dalam daerah Tawau terhadap masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah ber-

dasarkan faktor demografi seperti peringkat sekolah dan tingkatan. Selain itu kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah menurut persepsi guru.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Masalah disiplin selalu berlaku sama ada di dalam sekolah atau dalam bilik darjah, semua ini kerana pelajar-pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang, mempunyai sahsiah, intelek, jasmani, rohani dan sosio ekonomi yang berbeza seperti yang kita sedia maklum apabila tingkah laku bermasalah atau disiplin berlaku dalam bilik darjah proses pengajaran dan pembelajaran akan terjejas, contoh masalah disiplin yang kerap berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran ialah melawan dan tidak menghormati guru, membaca bahan-bahan lain, mengeluarkan kata-kata kesat, makan, membuat bising atau bergerak bebas di dalam bilik darjah, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, tidak membuat kerja seperti yang diarahkan dan lewat masuk kelas (Shahabudin Hashim, Rozihani, Mohd. Zohir Ahmad, 2007).

Menurut Mizan (2001), menyatakan bahawa keadaan sosial, ekonomi, dan politik yang semakin maju menjadikan kehidupan anak-anak atau pelajar-pelajar sekolah bertambah kompleks. Kemajuan serta daya pemikiran yang semakin tinggi ini telah membuatkan para pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang belajar di bawah satu bumbung, yang terdiri dari berbagai-bagai latar belakang sosio ekonomi, agama, ras, dan tahap intelektual, keadaan ini memerlukan kita untuk mempelajari serta memahami masalah disiplin dan dinamika tingkah laku yang berbagai-bagai ini, justeru itu diperlukan satu pemahaman dan kemahiran yang tinggi bagi mengatasi masalah ini.

Namun begitu, perlu diingat bahawa sebilangan besar pelajar yang berada di sekolah adalah normal. Normal di sini dimaksudkan ialah

para pelajar yang tidak mempunyai kecatastan fizikal dan mental, mereka dapat menyesuaikan diri dengan mudah dan gembira ketika berada di sekolah (Mizan, 2001). Oleh itu setiap tingkah laku pelajar di dalam bilik darjah mempunyai tujuan tertentu, apabila masalah tingkah laku wujud, sebenarnya yang digambarkan oleh pelajar itu ialah ketika keperluan mereka tidak dipenuhi.

Seseorang guru perlu pandai menyesuaikan diri serta ilmunya dengan perubahan-perubahan terutamanya dalam proses pertumbuhan dan perkembangan yang dilalui oleh pelajar tersebut. Kadang-kala sesuatu tingkah laku bermasalah yang ditunjukkan sebenarnya mempunyai mesej tertentu yang tersirat yang memerlukan perhatian guru yang disebabkan oleh tekanan akademik, psikologi atau permasalahan keluarga yang bersifat peribadi. Oleh yang demikian guru harus tahu bagaimana untuk menterjemahkan mesej tersebut dengan tepat, sekiranya gagal serta tidak ada tindakan susulan, sudah pasti pelajar-pelajar ini akan cenderung untuk menunjukkan ketegangan yang terpendam itu dalam bentuk tingkah laku bermasalah yang akhirnya akan mewujudkan masalah disiplin dalam bilik darjah (Shukri, 2000).

Menurut Shukri (2000), bahawa segelintir masyarakat mula mempersoalkan tentang peranan yang dijalankan oleh pihak pentadbiran sekolah, mereka mula hilang kepercayaan terhadap institusi pendidikan kerana gagal menangani isu-isu pelajar bermasalah. Justeru itu pengetahuan tentang masalah disiplin dan masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah sedikit sebanyak akan membantu guru-guru untuk membuat tindakan susulan agar masalah itu tidak akan bertambah parah.

Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai banyak masalah tingkah laku bukan sahaja mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah, malah boleh menimbulkan pelbagai karenah

yang mengganggu kelancaran pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di samping menimbulkan masalah disiplin kepada pihak Pentadbir (Feldhusen *et al.*, 1974; Galloway, 1982 dalam Mohd Salleh *et al.*, 2000).

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk;

- i. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap masalah disiplin pelajar dalam bilik darjah berdasarkan kepada faktor demografi guru seperti peringkat sekolah dan tingkatan.
- ii. Mengenal pasti perbezaan persepsi guru terhadap masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah berdasarkan kepada faktor demografi (ciri-ciri) guru seperti peringkat sekolah dan tingkatan.
- iii. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dalam bilik darjah dengan masalah tingkah laku pelajar berdasarkan persepsi guru?
- iv. Mengenal pasti hubungan antara masalah disiplin dalam bilik darjah dengan masalah tingkah laku pelajar seperti agresif, mengganggu, kemudah alihan perhatian, berkelakuan tidak matang, gangguan dalam hubungan rakan sedarjah, dan penarikan diri berdasarkan persepsi guru.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dibincangkan, kajian yang dijalankan ini sebenarnya bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan yang ingin dikaji antaranya adalah seperti berikut:

- i. Apakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap masalah disiplin pelajar dalam bilik darjah berdasarkan kepada faktor demografi guru seperti peringkat sekolah dan tingkatan?
- ii. Apakah terdapat perbezaan persepsi guru terhadap masalah tingkah laku pelajar dalam bilik darjah berdasarkan kepada faktor demografi (ciri-ciri) guru seperti peringkat sekolah dan tingkatan?
- iii. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dalam bilik darjah dengan masalah tingkah laku pelajar berdasarkan persepsi guru?
- iv. Apakah terdapat hubungan antara masalah disiplin dalam bilik darjah dengan masalah tingkah laku pelajar seperti agresif, mengganggu, kemudah alihan perhatian, berkelakuan tidak matang, gangguan dalam hubungan rakan sedarjah, dan penarikan diri berdasarkan persepsi guru?

### **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian adalah seperti berikut;

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap masalah disiplin pelajar yang signifikan dalam bilik darjah berdasarkan faktor demografi peringkat sekolah guru.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap masalah tingkah laku pelajar yang signifikan dalam bilik darjah berdasarkan faktor demografi peringkat sekolah.

## RUJUKAN

Aminuddin Bin Hehsan & Siti Noor BT Muhamad. 2010. *Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini : Satu Kajian Di Maahad Ahmadi Tanah Merah*. Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini.

Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi & Mascilla Bt Hamzah. 2011. *Masalah Salak Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibuan bapaan*.

Ahmad Mohd. Salleh. 2003. Pendidikan Islam: *Faisafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar. 2006. *Membentuk Jati Diri Remaja. Bentong*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Carolyn B. Stone and Mary Ann Clark. 2001. School Counsellors and principal: *Partners In Support Of Academic Achievement*. Nassp Bulletin.

Chua Yan Piaw. 2005. *Asas Statistik Penyelidikan. Kaedah Dan Statistik Penyelidikan*. Edisi Kedua

Ee Ah Meng. 2000. *Pedagogi 1; Kurikulum Dan Pengurusan Bilik Darjah*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

George Lease. 2004. *Masalah Disiplin Dalam Bilik Darjah Dan Strategi Penyelesaiannya Di SMK Kinarut, Papar Sabah*. Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial. Universiti Malaysia Sabah.

Gulson Begum Bt. Khalid. 2005. *Jenis Tingkah Laku Buli Dan Faktor Demografi : Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Terpilih Di Daerah Tawau*. 2-15.

Haliza, Hamzah & Joy, N.S (2009). *Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Selangor. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Jas Laile Suzana Jaafar. 1996. *Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Dwibahasa. 1990. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 1988. *Educational In Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1982. *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat Dan Misi*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Khairul Anuar Mastor, Putai Jin & Martin Couper. 2000. *Malay Culture And Personality: A Big Five Perspective*. American Behavioural. American Behavioural Scientist 2000.

Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009. *Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah*.

Khalim Zainal. 2008. *Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah Dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanisti, Psikoanalitik & Tret Personali*.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

Levin, J. F., & Nolan, J. 2004. *Principles of classroom management: A professional decision-making model (4th Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.

Mizan Abdillah Ahmad Ibrahim. 2001. *Pengurusan Perkhidmatan Personaliti Murid*. Selangor Darul Ehsan. Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Mohd. Salleh Abu., Othman Mohd. Johan., Mohd. Tajudin Mohd. Ninggal Dan Syed Mohamad Shafeq Syed Mansor., 2000. *Pembinaan Senarai Semak Masalah Tingkah Laku Sebagai Alat Ukur Psikologi Untuk Tujuan Peningkatan Profesionalisme Keguruan*. Prosiding Seminar JPPG, Universiti Malaysia Sabah.

Mohd. Kosnin, Azlina dan Mustapha, Suzila. 2010. *Kaitan Antara Faktor-Faktor Kekelurgaan Dengan Tingkah Laku Delikuensi Pelajar*. Pp.77.

Melati Sumari & Zaharah Hussin. 2006. *Cabarani IPT Dalam Menangani Salah Laku Dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa : Tinjauan Dan Cadangan*.

Mohd. Hasani Dali & Mohammad Johdi Salleh. 2009. *Pengurusan Bilik Darjah Dalam Noraini Idris Dan Shuki Osman*, Pengajaran dan Pembelajaran. Teori dan Pencetus.

Marzano, R. J. 2003. *What works in schools*. Alexandria, VA: ASCD.

Mohd. Majid Konting. 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur.  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Md. Johan & Norazmah Mohamad Roslan. 2010. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*.

Osbom, R. 2005. *Maxisme dan Psikoanalisis*. Terjemahan Tim Alenia Yogyakarta: Alenia.

Sapawi Mahdi Dan Shirley Bennet. 2000. *Masalah Disiplin Pelajar SMK ST. Luke, Sri Aman; Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4, Tahun 2000*. Guru Sebagai Penyelidik Dokumentasi Pendidikan (2001-2002) Bahagian Sri Aman Bentong, Sarawak.

Shahabudin Hashim, Rozihani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. 2008. *Strategi dan Teknik Mengajar Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Sang M. S. 2008. *Pengurusan Hal Ehwal Murid. Selangor*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Shamsaadal Sholeh dan Abdullah Sulaiman. 2006. *Konflik Remaja Masa Kini Dan Cabaran Menanganinya*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Shukri Hj. Zain. 2000. *Welstanchung Sekolah Citra: Granizasca Kepimpinan Pengetua Protagonis*. Jurnal Pengurusan Pendidikan.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad. 2004. *Panduan Mengurus Remaja Modern. Bentong*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.